



Siaran Akhbar

MCMC KELUARKAN KOMPAUN BERNILAI RM4,696,000.00 ATAS PELBAGAI KESALAHAN DI BAWAH AKM 1998 DAN PERUNDANGAN SUBSIDIARINYA SEPANJANG TAHUN 2022

CYBERJAYA, 13 Disember 2022 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengeluarkan sebanyak 112 kompaun yang bernilai **RM4,696,000.00** sepanjang tahun 2022 melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (“AKM”) 1998 serta perundangan subsidiari di bawah akta tersebut.

Daripada jumlah tersebut, 106 kompaun telah dikeluarkan terhadap pemegang lesen MCMC seperti berikut:

- **53** kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Penomboran) 2016 iaitu kegagalan mematuhi rancangan penomboran dan pengalamatan elektronik.
- **27** kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002.
- **17** kompaun bagi kesalahan di bawah Seksyen 105 (3) AKM 1998 iaitu kegagalan mematuhi standard mandatori.
- **Lima (5)** kompaun bagi kesalahan di bawah Seksyen 242 AKM 1998 iaitu kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen.
- **Dua (2)** kompaun bagi kesalahan di bawah Seksyen 127 AKM 1998 iaitu kegagalan mematuhi *Guidelines on Registration of End-Users of Prepaid Public Cellular Services*.
- **Dua (2)** kompaun bagi kesalahan di bawah Seksyen 126 AKM 1998 iaitu menawarkan perkhidmatan tanpa lesen.

Selain itu, pihak MCMC turut mengeluarkan **enam (6)** kompaun terhadap pihak bukan pemegang lesen seperti berikut:

- **Lima (5)** kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan 16 (1)(b) Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000 iaitu menggunakan kelengkapan komunikasi yang tidak diperakui.
- **Satu (1)** kompaun bagi kesalahan di bawah Seksyen 235 AKM 1998 iaitu menyebabkan kerosakan kepada kemudahan rangkaian.

Jadual Berkaitan Maklumat Kompaun Tahun 2022

Kategori Kompaun	Jumlah Kompaun	Nilai (RM)
Pemegang Lesen	106	4,616,000.00
Bukan Pemegang Lesen	6	80,000.00
Jumlah Keseluruhan	112	4,696,000.00

Tindakan yang telah diambil ini bertujuan untuk memastikan semua pihak khususnya pemegang lesen agar lebih bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu kepada pengguna.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV